

Kandungan

المعلم وآدابه <i>GURU DAN ADAB-ADABNYA</i>	1
المتعلم وآدابه <i>PELAJAR DAN ADAB-ADABNYA</i>	3
التقوى <i>TAKWA</i>	5
الطاعة <i>KETAATAN</i>	7
المحبة <i>CINTA DAN KASIH</i>	8
النظافة <i>KEBERSIHAN</i>	11
حب الدين <i>CINTAKAN AGAMA</i>	12

دروس الأخلاق
□

AKHLAK ISLAM

TINGKATAN 1

للسنة الأولى

المُعَلِّمُ وَآدَابُهُ

– الْمُعَلِّمُ هُوَ الَّذِي يَدُلُّ التِّلْمِيذَ إِلَى مَا يَكُونُ بِهِ كَمَالُهُ مِنَ الْعُلُومِ وَالْمَعَارِفِ .
 إِنَّ الْمُعَلِّمَ قُدْوَةٌ حَيَّةٌ لِلتِّلْمِيذِ، وَلِذَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَكُونَ مُتَّصِفًا بِالْأَوْصَافِ
 الْحَمِيدَةِ وَالْآدَابِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْفَاضِلَةِ.

– ومن آدابه ما يأتي :

- ١ – أن يكون تقيا طائعا لأوامر الله ورسوله ومتجنبنا لنواهيهما.
- ٢ – أن يكون متواضعا لتميل إليه القلوب، فيستفيد التلاميذ منه
- ٣ – أن يكون حليما وقورا فيقتدي به تلميذه.
- ٤ – أن يكون رحيما للتلاميذ شفيقا عليهم، لتعظم رغبتهم في ما يليقهم إليهم ويعلمهم.
- ٥ – أن ينصحهم ويؤدبهم بالآداب الإسلامية حتى يحسن تأديبهم.
- ٦ – أن يقصد بتعليمه وجه الله تعالى، فلا يقصد به توصلا إلى غرض دنيوي كتحصيل مال أو وظيفة أو جاه أو شهرة.
- ٧ – أن يتخلق بالأخلاق الحميدة، وأن يبتعد عن الأخلاق الذميمة.
- ٨ – أن يلازم الورع واجتناب الضحك والإكثار من المزاح.
- ٩ – أن يلازم النظافة وإزالة الروائح الكريهة.
- ١٠ – أن لا يُدِلَّ العلم.

GURU DAN ADAB-ADABNYA

Guru ialah orang yang membimbing pelajar untuk mendapat ilmu dan pengetahuan yang sempurna.

Guru merupakan contoh yang hidup bagi pelajar. Oleh itu guru perlu mempunyai sifat yang terpuji dan adab-adab islam yang mulia.

Antara adab-adab seorang guru adalah seperti berikut:

- 1-Seorang yang bertakwa dan patuh kepada perintah Allah dan RasulNya serta menjauhi larangan kedua-duanya.
- 2- Seorang yang merendah diri supaya dapat menarik hati-hati manusia dan pelajarannya mendapat manfaat daripadanya.
- 3- seorang yang lemah lembut dan dihormati yang menjadi contoh ikutan pelajarannya.
- 4- seorang yang mengasahi pelajar dan mengambil berat terhadap mereka supaya bertambah keinginan mereka (menerima) apa yang disampaikan dan diajar kepada mereka.
- 5- menasihati pelajar dan membimbing mereka dengan adab-adab Islam sehingga sempurna didikan mereka.
- 6- niatnya dalam mendidik adalah kerana Allah, bukan bertujuan untuk mencapai habuan dunia seperti mendapat harta, jawatan, pangkat atau kemasyhuran.
- 7- ianya berakhlak dengan akhlak Islam dan menjauhi akhlak tercela.
- 8- sentiasa bersifat wara', tidak suka ketawa dan tidak banyak bergurau.
- 9- sentiasa bersih dan menghilangkan bau yang tidak disenangi.
- 10- tidak memandang remeh setiap ilmu.

- 11- sentiasa berusaha dalam mencari ilmu sama ada melalui bacaan, menulis, mengulangkaji dan berbincang.
- 12- janganlah sombong/enggan untuk mempelajari daripada orang yang lebih muda usianya, keturunannya atau kemasyhurannya.
- 13- tidak malu untuk bertanya tentang perkara yang ia tidak tahu.
- 14- tidak angkuh terhadap pelajarannya tetapi berlemah lembut kepada mereka.
- 15- mencari dan menanyakan tentang pelajar apabila mereka tidak hadir.
- 16- mengalakkan orang ramai mencari ilmu dan mengingatkan mereka dengan kelebihan ilmu dan ulama. Mereka adalah pewaris para nabi.
- 17- seorang yang rajin mengajar pelajar, memberi kefahaman dan petunjuk kepada mereka ke jalan yang betul.
- 18- sentiasa (menyuruh) pelajar supaya tekun (belajar) setiap waktu dan meminta mereka mengulangi apa yang mereka hafal serta menyuntik semangat mereka untuk mengkaji.

- ١١- أن يكون دائما مجتهدا في الاشتغال بالعلم قراءة وإقراء ومطالعة وتأليف ومذاكرة ومباحثة.
- ١٢- ان لا يستنكف من التعلم ممن هو دونه سنا أو نسبا أو شهرةً.
- ١٣- أن لا يستحي من السؤال عما لا يعلم.
- ١٤- أن لا يتعظم على المتعلمين، بل يلين لهم ويتواضع لهم.
- ١٥- ان يتفقد هم ويسال عن غاب منهم.
- ١٦- أن يُرغّب الناس في العلم ويُذكّرهم بفضائله وفضائل العلماء، وأنهم ورثته الأنبياء.
- ١٧- أن يكون مجتهدا في تعليمهم وتفهمهم وهدايتهم إلى سبيل الرشاد.
- ١٨- أن يحرصهم على الاشتغال في كل وقت، ويطالبهم في أوقات بإعادة ما حفظوه، ويُجِدُّهم على البحث.

Pelajar ialah orang yang menuntut ilmu dan pengetahuan dari guru untuk menjadi sempurna.

Pelajar mempunyai adabnya terhadap diri, pelajaran, guru serta kawan-kawannya.

Adab terhadap diri dan pelajarannya ada banyak, antaranya:

- 1- Membersihkan hatinya dari kotoran supaya mudah menerima ilmu, menghafal dan menggunakannya.
- 2- Merendah diri kepada ilmu dan guru kerana ilmu tidak boleh dicapai oleh seseorang itu kecuali dengan sifat merendah diri.
- 3- Tidak boleh mengambil ilmu kecuali dari orang yang mempunyai kelayakan, agama yang baik dan ilmu pengetahuan yang benar.
- 4- Mencari keredaan guru, janganlah menghina di hadapannya, jangan membuka rahsianya dan jangan berjumpa dengannya tanpa keizinannya.
- 5- Sentiasa berusaha dalam belajar, istiqamah dalam setiap waktu sama ada malam atau siang, ketika bermukim atau musafir supaya tidak sia-sia masanya tanpa ilmu kecuali sedikit waktu yang diperlukan untuk makan dan berehat bagi menghilangkan keletihan dan rasa jemu.
- 6- Seorang yang semangat tinggi, tidak suka mendapat ilmu yang sedikit sedangkan ia mampu mendapat banyak ilmu.
- 7- Mengambil berat dengan menghafal pelajarannya dan mengulang-kaji. Ulang-kaji yang paling baik ialah di waktu malam.
- 8- seorang yang mengingati pelajarannya dan memahaminya.
- 9- Menjauhi perkara haram kerana ilmu itu cahaya dan cahaya Allah tidak diberi kepada orang yang melakukan maksiat.

المتعلم وآدابه

- المتعلم هو الذي يتعلم من المعلم ما يكون به كماله من العلوم والمعارف.
- للمتعلم آداب في نفسه ودرسه ومع مُعَلِّمِهِ أو أستاذه ومع أخوانه.
- أما آدابه مع نفسه ودرسه فكثيرة، منها:

- ١- أن يُطَهِّرَ قلبه من الأدناس ليصلح بقبول العلم وحفظه ونفعه.
- ٢- أن يتواضع للعلم والمعلم لأن العلم لا يناله أحد إلا بالتواضع.
- ٣- أن لا يأخذ العلم إلا ممن كَمُلَتْ أهليته وطهرت ديانتته وتحققت معرفته.
- ٤- أن يَتَحَرَّى رضى المعلم، فلا يغتاب عنده ولا يُفْشِي له سِرَّهُ، وأن لا يَدْخُلَ عليه بغير إذنه.
- ٥- أن يكون مجتهدا في التعلم، مُوَظِّبا عليه في جميع أوقاته ليلا ونهارا، حَضْرًا وَسَفْرًا حتى لا يذهب من أوقاته شيء من غير العلم إلا بقدر الضرورة لنحو أكل واستراحة يسيرة لإزالة التعب والطل.
- ٦- أن يكون عالي الهمة، فلا يرضى باليسير من العلم مع إمكان الكثير منه.
- ٧- أن يعتني بحفظ درسه ومذاكرته، وأفضل المذاكرة مذاكرة الليل.
- ٨- أن يكون حافظا لدروسه فاهما لها.
- ٩- ان يكون مجتنباً المحرمات لأن العلم نور، ونور الله لا يهدى للعاصي.

Adab bersama guru, antaranya:

- 1- Menyakini kemuliaan guru lebih besar daripada kemuliaan ibu bapa kerana guru mendidik rohnya.
- 2- Duduk dengan sopan di hadapannya dan merendah diri kepadanya.
- 3- Duduk ketika belajar dengan adab-adab Islam dan mendengar dengan baik apa yang diperkatakan oleh guru.
- 4- Tidak bergurau dan banyak ketawa kerana ia boleh mematikan hati.
- 5- Tidak memuji guru lain ketika bersamanya, bimbang gurunya akan menyangka ia mencelanya.
- 6- Tidak malu untuk bertanya perkara yang ia tidak tahu.

Adab bersama kawan-kawan, antaranya:

- 1- Menghormati kawannya dan tidak menghina seorang pun.
- 2- Tidak mengangkat diri dan sombong terhadap kawan.
- 3- Tidak menghina kawan kerana ia lambat memahami pelajaran.
- 4- Tidak gembira apabila guru menampelak sebahagian pelajar yang malas, kerana tindakan tersebut menyebabkan kemarahan dan permusuhan.

- وأما آدابه مع أستاذه، فمنها:

- ١- أن يعتقد أن فضله أكبر من فضل والديه لأن أستاذه هو الذي يُرِّي رُوْحَهُ.
- ٢- أن يكون خاضعا أمامه متواضعا له.
- ٣- أن يجلس في درسه بالآداب الإسلامية وحسن الإصغاء إلى ما يقوله أستاذه.
- ٤- أن يترك المزاح وكثرة الضحك لأن ذلك يُمَيِّتُ القلب.
- ٥- ألا يمدح غيره من العلماء بحضرته، مخافة أن يفهم أنه يذمُّه.
- ٦- أن لا يستحي عن السؤال عما لا يعرفه.

- وأما آدابه مع إخوانه، فمنها:

- ١- أن يَحْتَرِمَ إخوانه، ولا يَحْتَقِرَ أحدا منهم.
- ٢- أن لا يَسْتَعْلِي عليهم ولا يَسْتَكْبِرَ عليهم.
- ٣- أن لا يَسَخَرَ بِطُءِ الفهم منهم.
- ٤- أن لا يفرح إذا وَبَّخَ الأستاذ بعضَ القاصرين منهم، فإن ذلك كله من أسباب البُغْضِ والعداوة.

TAKWA

Takwa ialah mematuhi perintah Allah dan RasulNya dan menjauhi larangan kedua-duanya sama ada secara sembunyi atau nyata.

Takwa ini tidak akan sempurna kecuali dengan membuang semua sifat tercela dan menjauhinya dan juga menghiaskan diri dengan segala sifat terpuji dan berakhlak dengannya.

Faktor (menghasilkan) takwa itu banyak, antaranya:

- 1- Manusia perlu menganggap ia seorang hamba yang hina di hadapan tuhanNya yang maha kuasa dan gagah, kerana di tanganNya ia melakukan apa yang dikehendakiNya. Tidak sepatutnya bagi seorang hamba yang hina menderhakai tuhanNya yang maha berkuasa kerana dengan kekuasaanNya Dia dapat melakukan apa yang dikehendakiNya.
- 2- Mengingati ihsan Allah kepadanya dalam setiap keadaan, maka tidak sepatutnya ia mengingkari dan menafikan nikmatNya.
- 3- Mengingati kematian kerana orang yang tahu bahawa dia akan mati pasti dia akan melakukan amalan kebaikan mengikut kemampuannya.
- 4- Mengingati syurga dan neraka kerana dengan mengingati perkara tersebut ia akan melakukan kebaikan dan meninggalkan maksiat kerana takut masuk neraka dan ingin masuk syurga.

التقوى

- التقوى هي امتثال أوامر الله ورسوله واجتناب نواهيها سرًا وعلانية.

- ولا تتم التقوى إلا بالتخلّي عن كل رذيلة والابتعاد عنها والتخلّي بكل فضيلة والتخلّق بها.

- أسباب التقوى : أسبابها كثيرة، منها:

- ١) أن يلاحظ الإنسان أنه عبدٌ ذليلٌ أمام ربه القويّ العزيز. فلا ينبغي لعبدٍ ذليلٍ أن يعصّي ربه العزيزَ لأن بيده عزٌّ وجلٌّ يفعل كيف يشاء.
- ٢) أن يذكر إحسانَ الله إليه في جميع الأحوال، فلا ينبغي أن يجحد نعمته ويُنكر آلاءه.
- ٣) أن يتذكّر الموتَ لأن من علِمَ أنه سيَموتُ يعمل بالأعمال الصالحة حسب الاستطاعة.
- ٤) أن يتذكر الجنة والنار لأن من يتذكّر ذلك فإنه يعمل الصالحات ويترك المعاصي، خوفًا من دخول النار ورغبةً في دخول الجنة.

Kebaikan sifat takwa: antara faedah takwa seperti berikut:
Orang yang bertakwa memperoleh kebaikan di dunia dan akhirat.

Kebahagiaan di dunia, antaranya:

- 1- Meninggikan kedudukannya
- 2- Elok nama dan sebutannya
- 3- Memperolehi kemesraan daripada orang ramai (dikasihi manusia)
- 4- Dimuliakan orang muda dan dihormati orang tua.
- 5- Dilayani dengan baik oleh setiap yang berakal.

Kebahagiaan di akhirat, antaranya:

- 1- terselamat dari api neraka
- 2- Berjaya masuk syurga.

- فوائد التقوى : ومن فوائد التقوى ما يأتي:

إن الْمُتَّقِيَّ ينال السعادة في الدارين، الدنيا والآخرة.

- أما السعادة الدنيوية، فمنها:

١- ارتفاع القدر.

٢- جمال الصيِّت والدِّكْرِ.

٣- اكتساب المودة من الناس.

٤- يُعْظَمُهُ الأصاغِرُ ويهابه الأكبر.

٥- وَيُحْسِنُ إليه كلُّ عاقلٍ ويبرُّه.

- وأما السعادةُ الآخرويةُ، فمنها:

١- النجاة من النار.

٢- الفوز بدخول الجنة.

KETAATAN

Taat ialah melaksanakan perintah orang yang wajib dipatuhi. System kehidupan tidak akan sempurna dan masyarakat tidak akan bahagia tanpa sifat ini kerana ia adalah tanda ketulusan, bukti kasih sayang, symbol orang mukmin dan bekalan orang Islam.

Ketaatan terbahagi kepada:

1- Ketaatan pada Allah dan rasulNya dan ia adalah wajib. Firman Allah s.w.t:

Wahai orang-orang Yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu.

firmanNya lagi:

Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu; dan dengarlah (akan pengajaran-pengajarannya) serta Taatlah (akan perintah-perintahNya); dan belanjakanlah harta kamu (serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu.

Taat pada Allah dan RasulNya adalah dengan mengikut ajaran al Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w dalam semua sudut kehidupan.

2- Taat kepada pemerintah: pemerintah itu ialah pemimpin yang adil yang menghukumkan di kalangan manusia dengan apa yang diturunkan Allah.

Taat kepada pemerintah dengan syarat mentaati Allah. Tidak perlu taat kepada makhluk pada perkara mendurhakai Allah s.w.t

3- Taat kepada kedua ibu bapa: taat kepada ibu bapa, datu dan nenek adalah wajib kerana firman Allah s.w.t:

"dan hendaklah Engkau berbuat baik kepada ibu bapa".

4- Taat kepada ulama yang mendidik dan ikhlas kerana mereka berusaha memberi ilmu kepada akal manusia, mendidik jiwa dan mengajar ilmu yang berfaedah yang menunjuk ke jalan yang betul.

الطاعة

- الطاعة هي امتثال أوامر من يجب له الانقياد. لا يتم النظام ولا يسعد المجتمع إلا بها، إذ هي عنوان الإخلاص ودليل المحبة وشعار المؤمن وزاد المسلم.

- الطاعة تنقسم إلى:

١- طاعة الله ورسوله: وهي واجبة. قال تعالى: يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا

اللَّهِ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ^ط وقال تعالى: فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا

أَسْتَطَعْتُمْ وَأَسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا لِأَنْفُسِكُمْ

وطاعة الله ورسوله تكون باتباع تعاليم القرءان الكريم وسنة الرسول صلى

الله عليه وسلم في جميع نواحي الحياة.

٢- طاعة أولى الأمر: وأولو الأمر هم الأئمة العادلون الذين يحكمون بين

الناس بما أنزل الله.

وطاعة أولى الأمر مشروطة بطاعة الله، فلا طاعة لمخلوق في معصية

الخالق عز وجل.

٣- طاعة الوالدين: طاعة الوالدين والأجداد والجندات واجبة،

لقوله تعالى: بِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

٤- طاعة العلماء المرّين المخلصين: لأنهم هم الذين يبذلون جهودهم في

تثقيف العقول وتهذيب النفوس وتعليم العلوم النافعة التي تهدي إلى سواء

السبيل.

CINTA DAN KASIH

Mahabbah dari segi bahasa : kecenderungan hati secara umum sama cenderung kepada kebenaran atau yang lain. Manakala dari segi istilah: kecenderungan hati kepada kebenaran dan mematuhiinya.

Jenis cinta

Cinta terbahagi kepada beberapa jenis, antaranya :

1- Cinta dan kasihkan Allah dan RasulNya s.a.w:

Cinta kepada Allah dan RasulNya adalah wajib ke atas setiap orang Islam. Cintakan Allah dan RasulNya adalah dengan menjunjung perintahnya dan menjauhi larangannya. Ibnu Rajab berkata: manusia itu tidak menjadi mukmin yang sempurna iman sehinggalah cintanya mengikut suruhan dan larangan. Iamenyukai apa yang diperintahnya dan benci apa yang dilarangnya

. Firman Allah s.w.t:

“ Maka Demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim Dalam mana-mana perselisihan Yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa Yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu Dengan sepenuhnya”. Surah Nisa : 65

Setiap orang Islam wajib menyukai apa yang disukai Allah dan RasulNya. Nabi s.a.w bersabda: “Tidak sempurna iman seorang itu sehinggalah aku adalah orang yang dicintainya berbanding diri, anak, keluarganya dan semua orang”. Sesiapa yang cinta Allah dan RasulNya dengan cinta ikhlas dari hatinya, nescaya ia akan menimbulkan di hatinya rasa suka apa yang disukai Allah dan RasulNya dan ia benci apa yang dibenci oleh Allah dan RasulNya. Ia akan beramal dengan anggotanya setiap apa yang menepati agama Islam.

المحبة

- المحبة لغة هي الميئل مطلقا، سواء كان الميل إلى الحق أو غيره. وهي في الاصطلاح: الميل إلى الحق خاصة والانقياد إليه.

أنواع المحبة

- تنقسم المحبة إلى أنواع، منها:

(١) محبة الله ورسوله ﷺ

محبة الله ورسوله واجبة على المسلم، فمحبة الله ورسوله تكون بامثال أوامرهما واجتناب نواهيهما. قال ابن رجب الحنبلي: إن الإنسان لا يكون مؤمنا كامل الإيمان حتى تكون محبته تابعة لما جاء به الرسول ﷺ من الأوامر والنواهي. فيحب ما أمر به، ويكره ما نهي عنه.

- فقد قال تعالى:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَتَّخِذُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

- فالواجب على كل مؤمن أن يحب ما أحبه الله ورسوله، فقد قال ﷺ: لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من نفسه وولده وأهله والناس أجمعين. فمن أحب الله ورسوله محبة صادقة من قلبه أوجب له ذلك أن يحب بقلبه ما يحبه الله ورسوله، ويكره ما يكرهه الله ورسوله، ويرضى بما يرضى الله ورسوله، ويسخط ما يسخطه الله ورسوله، وأن يعمل بجوارحه كل ما يوافق الدين الإسلامي.

Semua maksiat lahir daripada perbuatan mendahulukan hawa nafsu berbanding cinta pada Allah dan rasulNya. Begitu juga perkara bid'ah, ia lahir sebab mendahulukan hawa nafsu daripada perintah syara'.

2- Cinta kepada sahabat nabi s.a.w, ulama, syuhada dan orang soleh

Antara perkara yang wajib ke atas orang Islam ialah cinta kepada sahabat nabi s.a.w, ulama, syuhada dan orang soleh.

Cinta kepada mereka hendaklah mengikut apa yang dibawa oleh nabi s.a.w, kerana orang mukmin wajib cinta kepada orang yang cintakan Allah dan rasulNya di kalangan malaikat, rasul, orang yang benar, syuhada dan orang soleh. Ini kerana mereka adalah orang yang diberi nikmat oleh Allah.

Oleh itu antara tanda wujudnya kemanisan iman ialah seseorang itu suka sesuatu kerana Allah, tidak menolong musuh Allah dan orang dibenci Allah.

Rasulullah s.a.w bersabda: *“orang yang suka kerana Allah dan benci kerana Allah. Ia member kerana Allah dan menahannya kerana Allah maka sempurnalah imannya”*. Sesiapa yang suka, benci, memberi dan menahannya kerana hawa nafsunya maka kuranglah imannya. Ia wajib bertaubat dan kembali mengikut apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

- فجميع المعاصي تنشأ من تقديم هوى النفس على محبة الله ورسوله، وكذلك البدع إنما تنشأ من تقديم الهوى على الشرع.

٢) محبة الصحابة والعلماء والشهداء والصالحين

من الأمور الواجبة على المسلم محبة الصحابة رضوان الله عليهم والعلماء والشهداء والصالحين.

- ويجب في محبة هؤلاء أن تكون تبعاً لما جاء به رسول الله ﷺ، إذ يجب على المؤمن محبة من يحبه الله ورسوله من الملائكة والرسل والأنبياء والصدّيقين والشهداء والصالحين، إذ هؤلاء من الذين أنعم الله عليهم.

- ولذا كان من علامات وجود حلاوة الإيمان أن يحب المرء لا يحبه إلا الله، ويحرم موالاته أعداء الله ومن يكرهه الله.

- فقد قال الرسول ﷺ: [من أحب الله وأبغض الله وأعطى الله ومَنَعَ الله فقد استكمل الإيمان]. ومن كان حُبُّه وُبُغْضُهُ وعطاؤه ومَنَعُهُ هَوَى النفس كان نَقْصاً في إيمانه، فيجب عليه التوبة والرجوع إلى اتباع ما جاء به رسول الله ﷺ.

٣- محبة المسلمين

من الأمور الواجبة على المسلم محبة أخيه المسلم، فقد قال ﷺ: [لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه]، وقال في حديث آخر: [أحب للناس ما يُحِبُّ لنفسك]، وقال في حديث آخر: [مثل المؤمنين في توادهم وتعاطفهم وتراحمهم كمثل الجسد الواحد، إذا اشتكى منه عضوٌ تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى]. رواه البخاري ومسلم.

٤- محبة الوالدين

من الأمور الواجبة على المسلم طاعة الوالدين في المعروف ومحبتهما فلا يعصيهما في معروف. فقد قال تعالى: [وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا]، وقال صلى الله عليه وسلم: [يُرُوا آبَاءَكُمْ يَبْرُكُمُ أَبْنَاؤُكُمْ]، وقال ﷺ: [الجنة تحت أقدام الأمهات].

٥- محبة الوطن

من الأمور المطلوب في الإسلام حبُّ الوطن والدفاع عنه وتطبيق تعاليم الدين الإسلامي فيه.

٦- محبة الأقارب

من الأمور المطلوب في الإسلام محبة الأقارب وذوي الرَّحِمِ باعطاء المساعدات اللازمة لهم.

٧- محبة الجيران

ومن الأمور المطلوب في الإسلام محبة الجيران فلا تُؤذِيهِمْ، قال صلى الله عليه وسلم: [من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يُؤذِ جارُهُ].

3- Kasihkan orang Islam

Antara perkara yang wajib ke atas orang Islam ialah cinta kepada saudara seagama. Nabi s.a.w : *“tidak sempurna iman seorang itu sehinggalah ia suka untuk saudaranya apa yang ia suka untuk dirinya sendiri”*. Sabda nabi s.a.w lagi: *“Sukalah untuk orang lain apa yang kamu suka untuk diri kamu sendiri”*. Dalam hadis lain : *“Orang mukimin itu dalam kasih sayang dan saling merahmati di antara mereka adalah seperti satu jasad. Apabila satu anggota mengadu kesakitan maka seluruh badan akan berjaga malam dan turut merasa sakit bersama”*.

4- Cinta kepada ibu bapa

Antara perkara yang wajib ke atas orang Islam ialah taat kepada ibu bapa dalam perkara kebaikan dan mengasihi kedua-duanya serta tidak mengingkarinya dalam perkara kebaikan. Firman Allah s.w.t : *“dan berbuat baik kepada ibu bapa”*. Sabda nabi s.a.w: *“berbuat baiklah kepada ibu bapa kamu nescaya kamu akan dilayan dengan baik oleh anak-anak kamu”*. Dan sabda baginda lagi : *“syurga itu di bawah telapak kaki ibu”*.

5- Cintakan Negara

Antara perkara yang dituntut dalam Islam ialah cintakan Negara dan mempertahankannya serta melaksanakan ajaran agama Islam di dalamnya.

6- Kasih kepada kaum keluarga

Antara perkara yang dituntut dalam Islam ialah kasih kepada kaum keluarga dan kerabat dengan memberi pertolongan yang sepatutnya kepada mereka.

7- Kasih kepada jiran

Antara perkara yang dituntut dalam Islam ialah kasih kepada jiran dan tidak menyekiti mereka. Sabda nabi s.a.w : *“sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka janganlah menyakiti jirannya”*.

KEBERSIHAN

Kebersihan ialah bersih badan, pakaian, tempat tinggal, semua kekotoran yang zahir dan batin dan daripada najis.

Ianya dituntut pada syarak dan adat. Orang Islam perlu membersihkan badannya. Perkara tersebut dengan cara berikut :

- 1- Menyikat rambut dan janggut serta meminyakkannya.
- 2- Membasuh kedua telinga dan menyapunya.
- 3- Membasuh kedua tangan dan mukanya.
- 4- Membasuh mulutnya dengan berkumur dan bersugi.
- 5- Membersihkan hidungnya dengan menyedut air ke dalam hidung dan.
- 6- Memotong kuku dan membasuh bahagian bawahnya.
- 7- Mencabut bulu ketiak.
- 8- Membasuh sendi jari tangan dan kaki serta lehernya.
- 9- Berkhitan
- 10- Mengunting misai.
- 11- Membasuh anggota dan mandi.

Nabi s.a.w menyuruh menjaga kebersihan, sabdanya : “Kebersihan itu sebahagian dari iman”.

Orang Islam sepatutnya juga membersihkan pakaiannya dengan air sahaja atau bersama sabun apabila memerlukan sabun. Begitu juga ia perlu membersihkan tempat tinggalnya dari kotoran dan najis.

Kebersihan mempunyai banyak faedah, antaranya:

- 1- menjaga kesihatan.
- 2- Menghilangkan dukacita.
- 3- Menimbulkan kegembiraan.
- 4- Menyenangkan keluarga dan bergaul dengannya.
- 5- Menzahirkan nikmat Allah. Firman Allah s.w.t:
Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah Engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya. Surah Dhuha : 11
Dan pakaianmu, maka hendaklah Engkau bersihkan. Surah Mudathir : 4

النظافة

- النظافة : طهارة البدن والثوب والمسكن والمطلوب من كل أدرانٍ ظاهرةٍ ومعنويةٍ ومن النجاسة.

- وهي مطلوبة شرعا وعادة. وينبغي للإنسان المسلم تنظيفُ بدنه، وذلك بما يأتي:
- ١- تَسْرِيحُ شَعْرِ رَأْسِهِ وَحَيْثَهُ وَدَهْنَهُ.
 - ٢- غَسْلُ أُذُنَيْهِ وَالْمَسْحَ عَلَيْهِ.
 - ٢- غَسْلُ يَدَيْهِ وَوَجْهِهِ.
 - ٣- غَسْلُ فَمِهِ بِالْمَضْمَضَةِ وَالسَّوَاكِ.
 - ٤- تَنْظِيفُ أَنْفِهِ بِالِاسْتِنشَاقِ وَالِاسْتِنْشَارِ.
 - ٥- تَقْلِيمُ أَظْفَارِهِ وَغَسْلُ مَا تَحْتَهُ.
 - ٦- نَتْفِ شَعْرِ الْإِبْطِ.
 - ٧- غَسْلُ الْبِرَاجِمِ وَمِعَاطِفِهِ.
 - ٨- الْخِتَانِ.
 - ٩- قَصِّ شَوَارِبِهِ.
 - ١٠- غَسْلُ أَعْضَائِهِ وَالِإِغْتِسَالِ.

- وكان النبي ﷺ يأمر بالنظافة، فقال: النظافة من الإيمان. وينبغي للإنسان المسلم أيضا تنظيف ثيابه بالماء وحده أو بالصابون إن احتاج إلى ذلك. كذلك ينبغي له تنظيف مسكنه من الأدران والنجاسات.

- إن النظافة فوائد كثيرة، منها:

- ١- حفظ الصحة
- ٢- زهاب الهموم
- ٣- إقبال السرور
- ٤- رضا العشير والمخالط له
- ٥- إظهار نعمة الله. فقد قال تعالى: [وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ] ، وقال تعالى: [وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ]

CINTAKAN AGAMA

Cintakan agama ialah bangga dengan agama Islam dan akidah Islam serta mengambil berat dan mempertahankan kehormatan keduanya.

Setiap orang islam dituntut mencintai agamanya. Tidak boleh seorang pun meninggalkan mana-mana syiar agama Islam atau mengabaikan mana-mana ajarannya.

Juga tidak boleh melakukan perkara yang diharamkan agamanya walaupun di sana ada agama lain yang membolehkan perkara tersebut.

Bukanlah maksud cintakan agama itu ta'asubkan agama iaitu menjadikan agama sebagai cara untuk memerangi orang yang berlainan agama dengannya atau menghalang hak-hak mereka atau menghalang mereka dari melaksanakan syiar agama mereka. Sifat fanatik ini tidak dibenarkan dalam Islam kerana Islam adalah agama keadilan, toleransi dan berlaku adil.

Firman Allah s.w.t:

“Tidak ada paksaan dalam beragama”.

حب الدين

- حُبِّ الدِّينِ هُوَ الْاِعْتِزَاؤُ بِالْاِسْلَامِ وَالْعَقِيْدَةُ الْاِسْلَامِيَّةُ وَالْغَيْرَةُ عَلَيْهِمَا وَالْاِدْفَاعُ عَنْ حُرْمَاتِهِمَا.

- كُلُّ مُسْلِمٍ مُطَالِبٌ بِحُبِّ دِيْنِهِ، فَلَا يَجُوزُ لِأَحَدٍ أَنْ يَتْرَكَ شَعِيْرَةً مِنْ شَعَائِرِ الدِّينِ الْاِسْلَامِيِّ أَوْ أَنْ يَهْمَلَ شَيْئًا مِنْ تَعَالِيْمِهِ.

- وَلَا يَجُوزُ لَهُ أَيْضًا أَنْ يَرْتَكِبَ شَيْئًا يُجْرِمُهُ عَلَيْهِ دِيْنُهُ، وَإِنْ كَانَ هُنَاكَ دِيْنٌ آخَرٌ يَبِيْحُ هَذَا الْأَمْرَ.

- وَلَيْسَ مَعْنَى حُبِّ الدِّينِ التَّعَصُّبُ الدِّيْنِيَّ، الَّذِي هُوَ اتِّخَاذُ الدِّينِ وَسِيْلَةً لِمُحَارَبَةِ الْمُخَالَفِيْنَ لَهُ فِي الدِّينِ أَوْ مَنَعُهُمْ مِنْ حَقُوْقِهِمْ أَوْ مَنَعُهُمْ مِنْ أَدَاءِ شَعَائِرِ دِيْنِهِمْ. وَهَذَا التَّعَصُّبُ لَا يَجُوزُ فِي الدِّينِ الْاِسْلَامِيِّ، لِأَنَّ الْاِسْلَامَ دِيْنٌ عَدْلٌ وَسَمَاحَةٌ وَإِنْصَافٌ.

وَاللَّهُ يَقُوْلُ فِي كِتَابِهِ: [لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّيْنِ]

Perkara utama cintakan agama ialah:

- 1- Memelihara segala perintah agama dan melaksanakannya.
- 2- Menjauhi larangan Allah dan RasulNya s.a.w
- 3- Menyumbangkan setiap perkara yang berharga pada jalan mempertahankannya.
- 4- Berjihad dengan harta dan jiwa raganya pada jalan menegakkan agama Allah dan mempertahankannya serta tidak takut kepada sesiapa pun.
- 5- Menganggap mati dijalanNya sebagai syahid yang merupakan cita-cita terulungnya.
- 6- Allah dan Rasul adalah yang paling dicintainya berbanding yang lain.
- 7- Hawa nafsunya mengikut apa yang dibawa oleh agama.
- 8- Mengajak manusia berpegang pada ajarannya dan menghormatinya serta melaksanakannya
- 9- Mendidik anaknya, saudara dan kaum keluarganya dengan tarbiah yang menepati ajaran agamanya.

- ومن لوازم حب الدين ما يأتي:

- (١) أن يحافظ على أوامر الدين ويمتثل بها.
- (٢) أن يتعد عن نواهي الله ورسوله ﷺ.
- (٣) أن يبذل كل غالٍ ونفيسٍ في سبيل الدفاع عنه.
- (٤) أن يجاهد بأمواله ونفسه وروحه في سبيل إعلاء كلمته والدفاع عنه، فلا يخاف في سبيله أحداً.
- (٥) أن يعتبر الموت في سبيله شهيداً أسمى أمانيه.
- (٦) أن يكون الله ورسوله أحب إليه من سواهما.
- (٧) أن يكون هواه تبعاً لما جاء به دينه.
- (٨) أن يدعوا الناس إلى اعتناق تعاليمه واحترامها وتطبيقها.
- (٩) أن يرعى أولاده وإخوانه وعشيرته وأقرباءه تربيةً ملائمةً مع تعاليم دينه.